

25/08/1997

Sentuhan Maslan pasti memukau

Salbiah Ani

PAMERAN Wajah-Wajah Pemimpin yang berlangsung di Hilton Galleria, Hotel Hilton Kuala Lumpur, dari 20 Ogos hingga 2 September ini pasti memukau khalayak terutamanya tokoh yang wajahnya diabadikan di atas kanvas pelukis, Maslan Said.

Tidak rugi untuk turun menyaksikan karya Maslan yang dipamerkan dalam pameran itu kerana ternyata potret sentuhan pelukis kelahiran Perlis itu mampu memberi nyawa seakan-akan tuan empunya diri berada di hadapan khalayak sendiri.

Justeru tidak pelik apabila sebahagian daripada 21 karya yang dipamerkan bersempena perayaan 40 tahun Malaysia merdeka dilanggan sebelum pameran bermula meskipun hakikatnya sebuah daripadanya berharga RM250,000.

Antara tokoh pemimpin yang wajahnya diabadikan oleh Maslan ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad, isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, isterinya, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, Penasihat Ekonomi Kerajaan, Tun Daim Zainuddin dan isterinya, Toh Puan Mahani Idris.

Maslan, seorang pelukis dan pengukir serba boleh yang menjadikan teknik airbrush sebagai metodologinya berkarya sejak tujuh tahun lalu sebenarnya pelukis popular kerabat diraja Brunei.

Bakatnya dikesan oleh seorang pengiran di Brunei pada hari pembukaan Galeri Suria Mas Art miliknya di Yayasan Sultan Haji Hassanol Bolkihah, Bandar Seri Begawan, Brunei Darus Salam.

"Ketika perasmian yayasan berkenaan pada 29 Julai 1996, Sultan Haji Hassanol Bolkihah, turut berkunjung ke galeri saya dan niat untuk memberi potret almarhum ayahandanya sebagai cenderamata dibatalkan kerana bimbang melanggar adat istiadat baginda," ujarnya yang menetap di negara emas hitam sejak 1988 lagi.

Bagaimanapun, katanya, potret almarhum ayahanda Sultan Hassanol Bolkihah itu dibeli oleh seorang pengiran kerabat diraja Brunei lalu dijadikan hadiah kepada baginda yang kebetulan berminat dengan gaya beliau menghasilkan potret.

Maslan yang mencipta nama dalam dunia seni tampak di Brunei itu dikesan bakatnya pertama kali ketika berusia 12 tahun sewaktu menyertai pertandingan lukisan di Hong Kong.

"Lukisan potret Tan Sri Khir Johari, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, Tan Sri Aishah Ghani, yang diabadikan di atas potret dengan pewarna arang ketika itu diragui oleh guru dan guru besar sekolah saya, Sekolah Menengah Kampung Pandan, sehingga saya diminta melukis di depan mata mereka sendiri," katanya.

Maslan, 42, yang berasal daripada keluarga seni itu, menjadikan teknik airbrush secara langsung ke atas kanvas sebagai trademarnya selepas melakukan percubaan bersungguh-sungguh selama lapan tahun.

"Saya tidak melakukan sebarang sketsa mahupun acuan terlebih dahulu di atas kanvas sebelum melukis tetapi sebaliknya terus melukis secara langsung dengan teknik semburan menggunakan pewarna akrilik," jelasnya.

Beliau mengakui teknik yang digunakannya itu sukar kerana risiko warna bercampur antara satu sama lain sangat tinggi tetapi ia tetap menjadi pilihannya kerana ia bukti keiktisannya sebagai pelukis profesional.

"Saya sudah diuji melukis dengan kaedah ini secara lintas langsung di stesen televisyen Brunei pada tahun lalu dan kali ini menunjukkan bakat saya itu dengan melukis potret Toh Puan Mahani yang merasmikan pameran,"

jelasnya.

Maslan yang akan mengadakan pameran di negara Arab selepas selesai Pameran Wajah-Wajah Pemimpin membataskan dirinya kepada penggunaan tiga warna asas iaitu merah, biru dan kuning.

(END)